

TRANSFORMASI MOTIF BUSANA *PINONGKOLOH* MASYARAKAT MURUT TAHOL DI SABAH

TRANSFORMATION OF PINONGKOLOH COSTUME MOTIFS AMONG THE MURUT TAHOL COMMUNITY IN SABAH

Shelly Ann Saiwat^{1*}
Salbiah Kindoyop²

^{1,2}Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF), Universiti Malaysia Sabah Jalan UMS,
88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

SHELLY_SAIWAT_DC23@iluv.ums.edu.my*

*Dihantar/Received: 01 Oct 2025 | Penambahbaikan/Revised: 27 Nov 2025
Diterima/Accepted: 08 Dec 2025 / Terbit/Published: 25 Dec 2025*

DOI: <https://doi.org/10.51200/ga.v15i2.7155>

ABSTRAK

Busana *pinongkoloh* merupakan busana tradisional wanita Murut Tahol di Sabah dan dikenali melalui keunikan motif dan serta hiasan manik yang menjadi tarikan utama busana tersebut. Pengaruh pemodenan, globalisasi dan perkembangan industri fesyen semasa telah membawa kepada transformasi yang ketara terhadap motif busana *pinongkoloh*. Penyelidikan bertujuan meneliti bentuk transformasi motif yang berlaku pada busana *pinongkoloh*. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui pemerhatian lapangan dan temu bual bersama penggiat seni, penyulam busana *pinongkoloh* tradisional di daerah Keningau, Tenom dan Nabawan. Hasil penyelidikan ini dapat meneliti perubahan dan elemen-elemen transformasi pada busana *pinongkoloh*. Penyelidikan ini menunjukkan bahawa transformasi motif berlaku melalui penggunaan bahan baharu, pengolahan teknik sulaman yang lebih ringkas serta penciptaan motif yang disesuaikan dengan cita rasa generasi muda dan permintaan industri kreatif. Walaupun terdapat pelbagai inovasi, motif tradisional tetap dijadikan rujukan asas bagi mengekalkan identiti visual busana *pinongkoloh*. Dengan itu, transformasi motif *pinongkoloh* merupakan proses adaptasi yang berlaku secara berperingkat mengikut perubahan semasa. Penyelidikan ini menekankan pentingnya usaha pendokumentasian, pemuliharaan dan inovasi bagi memastikan warisan busana *pinongkoloh* kekal lestari serta relevan dalam perkembangan fesyen dan industri kreatif.

Kata Kunci: Transformasi, Motif, *Pinongkoloh*, Murut Tahol, Sabah.

ABSTRACT

The pinongkoloh costume is the traditional attire of Murut Tahol women in Sabah, recognized for its distinctive motifs and bead embellishments that form the central visual appeal of the costume. The influence of modernization, globalization and the expansion of the contemporary fashion industry has led to significant transformation in the motifs of the pinongkoloh costume. This study aims to examine the form of motif transformation occurring in this traditional

costume. This research adopts a qualitative approach through field in the districts of Keningau, Tenom and Nabawan. The finding identity the changes and transformative elements present within the introduction of new materials, the simplification of embroidery techniques, and the creation of motifs embroiderer to the preferences of the younger generation and the demands of the creative industry. Despite the various innovations introduced, traditional motifs continue to serve as the fundamental reference for preserving the visual identity the pinongkoloh costume. Thus, the transformation of pinongkoloh motifs represents a gradual adaptive process shaped by contemporary developments. This study emphasizes the importance of documentation, preservation and innovation to ensure that the heritage of the pinongkoloh costume remains sustainable and relevant within the evolving fashion creative industries.

Keywords: Transformation, Motif, *Pinongkoloh*, Murut Tahol, Sabah

PENGENALAN

Masyarakat Murut Tahol merupakan salah satu kumpulan etnik peribumi yang tinggal di kawasan pedalaman Sabah, iaitu di daerah Nabawan, Keningau dan Tenom. Masyarakat Murut kaya dengan warisan budaya, dan masyarakat ini masih mengekalkan pelbagai amalan tradisional yang telah diwariskan secara turun-temurun, termasuklah dalam aspek busana tradisional (Ismail, 2012). Busana *pinongkoloh* merupakan busana tradisional wanita masyarakat Murut Tahol di Sabah. Busana *pinongkoloh* merupakan satu lambang warisan yang mengandungi nilai estetika tersendiri. Busana *pinangkoloh* berfungsi sebagai pakaian upacara tradisi yang menjadi lambang identiti, nilai spiritual, dan struktur sosial masyarakat Murut. Pada masa kini, perkembangan globalisasi telah membawa kepada evolusi reka bentuk motif pada busana ini, sejajar dengan perubahan cita rasa dan gaya hidup masyarakat moden. Pemfokusan kepada busana *pinongkoloh* membolehkan penelitian yang lebih menyeluruh terhadap transformasi motif dan teknik sulaman yang diwarisi dan diadaptasi dalam masyarakat Murut Tahol.

Busana Pinangkoloh mempunyai ragam hias seperti motif flora, fauna, bentuk geometri, dan susunan manik yang sarat dengan makna yang menarik untuk diselidik. Menurut Humin, Ismail & Angeline (2015), corak dan motif mencerminkan hubungan mendalam antara masyarakat Murut dengan alam semula jadi. Setiap corak dan warna yang digunakan membawa makna yang tertentu, seperti motif daun yang melambangkan kelembutan dan motif padi yang melambangkan sumber rezeki dan makanan utama masyarakat. Masyarakat Murut Tahol menghasilkan motif dan corak menggunakan teknik sulaman dan hiasan manik berwarna, yang disusun secara simetri.

SOROTAN LITERATUR

Menurut Yahaya dan Abd. Hair Awang (2008), transformasi memberi pengertian kepada perubahan sifat dan rupa. Dalam konteks sosial dan ekonomi, transformasi mempunyai makna dan istilah yang sama seperti istilah pembangunan. Dalam konteks sosiologi, transformasi merupakan proses perubahan yang berkaitan dengan kehidupan manusia. Manakala dalam konteks sosial, transformasi juga merupakan gabungan perubahan-perubahan sosial, budaya, politik dan ekonomi. Transformasi membawa satu fenomena yang berorientasikan matlamat dan nilai pencapaian. Dengan itu, dalam sesebuah organisasi dan negara adalah penting untuk mempunyai transformasi untuk mengembangkan pembangunan negara. Pada masa ini semakin semua perkara mengalami transformasi termasuklah budaya dan cara kehidupan. Namun dalam warisan budaya, transformasi juga boleh membawa kesan kepada warisan budaya kita iaitu warisan yang berharga ditinggalkan dan dilupakan.

Warisan adalah komponen penting dalam identiti budaya masyarakat, kumpulan dan individu serta perpaduan sosial kerana kemusnahan yang disengajakan boleh membawa kesan buruk kepada maruah manusia dan hak asasi manusia (Silverman & Ruggles, 2007). Hal ini demikian kerana identiti masyarakat adalah melalui warisan budaya yang ditinggalkan oleh

nenek moyang kita. Warisan budaya juga boleh membentuk perpaduan dengan masyarakat bersatu dalam memelihara dan memulihara seni warisan budaya masyarakat. Halimatan, Rahimah, Sarah Aziz dan Chan (2010), membincangkan ‘warisan’ meliputi semua aspek yang manusia mahu dan perlu pelihara dan pulihara, iaitu daripada udara yang bersih sehingga kepada tarian budaya asli dan sumber semula jadi. Warisan boleh mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa, rantau, negara, wilayah, tempatan, kejiranan mahupun di rumah.

Nilai seni yang tinggi hanya dihasilkan melalui proses pemikiran intelektual (Ab Aziz, 2012). Setiap hasil motif dan corak yang dihasilkan oleh masyarakat dahulu mempunyai nilai yang tinggi. Hal ini demikian kerana pembentukan satu motif dan corak memerlukan proses yang lama dan memerlukan pemikiran yang mendalam pada masa dahulu berbanding pada masa kini. Proses pembentukan motif menggunakan masa yang lama yang bertahun-tahun dan generasi ke satu generasi untuk membentuk satu motif dan corak yang melambangkan nilai hidup masyarakat sesebuah etnik.

Dalam konteks global, transformasi busana tradisional bukan fenomena yang asing. Contohnya, kimono di Jepun telah mengalami transformasi dari pakaian harian kepada busana dan fesyen moden yang diadaptasi untuk pasaran antarabangsa (Slade, 2009). Begitu juga sari di India, motif dan teknik sulamannya telah disesuaikan dengan citarasa generasi muda serta pasaran fesyen global. (Ranavaade & Karolia, 2016). Di Malaysia pula, baju kurung telah mengalami transformasi melalui pengenalan fabrik moden, variasi motif dan teknik jahitan kontemporari tetapi dapat mengekalkan identiti tradisional sambil memenuhi keperluan fesyen masa kini (Sulaiman, Rahman, Apandi, Saari, Zain, Hasbullah & Warisan, 2022).

Dalam konteks kajian lepas, penulisan Hu Ting & Junior Kimwah (2024) menjelaskan kajian transformasi di negara China ini meneroka dan mengaplikasikan teknik pewarnaan tradisional berasaskan tumbuhan dalam tenunan brokad *Dong* bagi meningkatkan kelestarian serta pemeliharaan budaya, sambil menunjukkan bagaimana penggunaan pewarna semula jadi ini menyumbang kepada transformasi kain melalui penambahbaikan identiti, nilai warisan dan keindahan tekstil secara lestari.

Manakala di Sabah khususnya dalam penulisan Noria Tugang et al (2018) menjelaskan kostum tradisional Sinipak merupakan warisan budaya yang telah lama diperturunkan dalam komuniti Dusun Tindal, terutamanya di kawasan tanah rata Kampung Bangkahak, Kampung Tempasuk dan Kampung Piasau di Kota Belud, Sabah. Reka bentuk dan aksesori pada kostum Sinipak yang dipakai oleh wanita Dusun Tindal memperlihatkan penggunaan bahan semula jadi yang digabungkan dengan kreativiti manusia. Secara tradisional, elemen-elemen ini dianggap sebagai simbol kekayaan dan status sosial dalam komuniti tersebut. Dapatan kajian ini diperoleh melalui kerja lapangan dan analisis terhadap konsep reka bentuk kostum wanita Sinipak.

Seiring dengan itu, transformasi busana tradisional tempatan, seperti busana *pinongkoloh* masyarakat Murut Tahol juga mengikut proses transformasi yang sama. Motif tradisional menjadi asas tetapi teknik sulaman dan susunan manik disesuaikan dengan citarasa generasi muda dan permintaan industri kreatif. Penyelidikan ini meneliti transformasi yang berlaku secara berperingkat, selari dengan perubahan sosial, ekonomi dan budaya masyarakat Murut Tahol.

METODOLOGI DAN PENDEKATAN TEORI

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui eksploratori penyelidikan dan juga penelitian secara langsung. Eksploratori penyelidikan melibatkan penyelidik untuk berada di lapangan bagi mengutip data melalui kaedah pemerhatian, temu bual dan dokumentasi. Penyelidikan bermatlamat bagi merungkai transformasi terhadap motif-motif tradisional yang terdapat pada busana *pinongkoloh*.

Menurut Hanafi (2007), transformasi ialah perubahan selaras dengan nilai-nilai budaya

sendiri walaupun diolah semula, tetapi konsep, idea dan fungsi-fungsi tidak seharusnya lari daripada nilai-nilai budaya mereka. Dengan itu, transformasi perlu dikawal untuk tidak lari daripada nilai-nilai budaya dan tidak hilang ditelan zaman. Perubahan yang ada juga adalah disebabkan cara hidup masyarakat yang kini kian berubah dan mengikut perkembangan zaman. Cara kehidupan adalah sebab munculnya budaya dalam kehidupan harian masyarakat. Budaya warisan yang diwarisi adalah cara kehidupan masyarakat dahulu iaitu nenek moyang kita. Melalui perubahan cara kehidupan maka perubahan budaya warisan juga akan kian berubah.

Dalam penyelidikan ini, penyelidik menggunakan teori transformasi daripada Widiyanto (2020), iaitu proses transformasi mempunyai tiga tahap proses perubahan pada motif-motif *Pinongkoloh*. Proses tersebut adalah figuratif sebagai proses pertama, abstrak sebagai proses kedua dan motif yang bersifat bebas, iaitu stail (*Stylize*) sebagai proses ketiga.



Rajah 1: Proses Transformasi Motif-motif Masyarakat Murut
 Sumber : Diubahsuai daripada Widiyanto (2020)

Rajah 1 menunjukkan proses transformasi motif-motif masyarakat Murut yang diubahsuai daripada Widiyanto (2020) melalui tiga tahap proses perubahan. Proses pertama, iaitu figuratif adalah pengaplikasian daripada imej simbolik. Ini adalah proses permulaan wujudnya motif-motif masyarakat Murut yang terdapat pada *pinongkoloh*. Dalam proses ini, penyulam mengaplikasikan imej daripada persekitaran sekeliling untuk menghasilkan motif yang akan disulam dengan menggunakan manik-manik. Penggunaan manik pada masa dulu adalah terhad dari segi jenis dan pilihan warna. Oleh itu, proses kreativiti penyulam adalah terhad pada masa dahulu.

Proses kedua transformasi motif-motif masyarakat Murut adalah berbentuk abstrak. Motif-motif yang diaplikasikan kemudiannya diterapkan dalam busana *pinongkoloh*. Motif-motif yang disulam pada peringkat ini adalah lebih bersifat simbolik. Motif yang dihasilkan adalah bersifat mudah dan senang difahami penyampaian motif tersebut. Proses ini nampak mudah hanya kerana motif dalam proses ini adalah berbentuk simbolik. Namun pada proses inilah pembentukan motif yang memerlukan masa yang panjang. Menurut Ismail (2012), motif yang terbentuk melalui proses ini mungkin tidak disedari oleh pembuatnya. Motif akhirnya mengalami beberapa perubahan pada rupa bentuk. Dalam jangka masa pendek, proses perubahan ini disebut artistik iaitu satu proses yang melibatkan pencernaan minda yang berterusan.


Proses ketiga adalah *stylize*, iaitu proses ini adalah proses berlakunya cetusan kreativiti para penyulam dalam penghasilan motif-motif yang lebih menarik. Proses ini berlaku kerana terdapat pengaruh moden yang mempengaruhi kreativiti para penyulam untuk menjadi lebih kreatif. Proses ini dipengaruhi daripada peredaran masa, teknologi dan budaya daripada masyarakat lain. Proses ini juga merupakan motif-motif tradisional diperhalusi menjadi motif-motif kontemporari. Motif-motif yang bersifat abstrak kini dijadikan motif yang seakan-akan sama pada imej yang diaplikasikan dalam sulaman.

Stylized ditakrifkan sebagai teknik seni yang menyederhanakan bentuk, garis, warna, corak, corak dan perincian dengan cara melebih-lebihkan atau menghapus elemen tertentu untuk menghasilkan gaya yang lebih dekoratif dan ekspresif. Menurut Schapiro (1994), gaya merupakan suatu sistem bentuk dengan ekspresi yang bermakna, manakala Khan dan Alghamdi (2019) menegaskan bahawa motif yang distilisasi akan kehilangan bentuk semula jadi apabila diolah menjadi dekoratif. Dalam konteks aplikasi kontemporari, Widiyanto (2020) menekankan bahawa Teknik *stylized* membenarkan kebebasan kreatif untuk mengadaptasi elemen tradisional ke dalam medium moden tanpa menafikan identiti asalnya.

Ketiga-tiga proses ini menunjukkan proses evolusi terhadap perubahan motif-motif *Pinongkoloh* sehingga ke hari ini. Perkembangan budaya dapat juga dilihat pada setiap masyarakat, iaitu budaya sentiasa berkembang berubah untuk menyesuaikan diri dalam teknologi yang semakin canggih. Proses ini adalah daripada hasil analisis melalui kaedah pemerhatian yang dijalankan oleh penyelidik dan rujukan daripada informan dan pakar-pakar motif Murut.

BUSANA *PINONGKOLOH*

Busana *pinongkoloh* mempunyai ragam hias yang sangat unik dan kaya dengan simbol budaya dan kehalusan pertukangan tangan. Busana ini terdiri daripada beberapa komponen utama mencerminkan keindahan dan kearifan masyarakat Murut Tahol.



Rajah 2: Struktur busana *Pinongkoloh*

Sumber: Shelly Ann Saiwat

Rajah 2, merupakan struktur busana *pinongkoloh* masyarakat Murut Tahol yang dilengkapi dengan pelbagai ragam hias. Baju paras atas dikenali sebagai *babaru linantian* yang direka tanpa lengan dan berwarna hitam serta dihiasi dengan sulaman manik berwarna-warni. *Babaru linantian* dipadankan dengan gaun panjang yang dikenali sebagai *tapi linantian*, berwarna hitam dan dihiasi manik-manik yang direka bentuk menjadi motif dan corak untuk melengkapkan keindahan busana tradisional. Motif dan corak manik yang bertemakan flora dan fauna telah disusun secara simetri, dengan memperlihatkan ketelitian dan kreativiti pembuatnya.

Jadual 1: Komponen yang terdapat pada busana *Pinongkoloh*

Bil.	Komponen	Huraian
1.	<i>Babaru linantian</i>	Baju tanpa lengan berwarna hitam diperbuat daripada kain kapas
2.	<i>Tapi' Linantian</i>	Gaun Panjang hitam selepas memakai <i>Babaru Linantian</i>
3.	<i>Pipirot Linggit</i>	Tali pinggang yang diperbuat daripada syling untuk hiasan utama pinggang

4.	<i>Salupai</i>	Diperbuat daripada manik halus untuk hiasan kepala
5.	<i>Sinikot</i>	Hiasan kepala berjuntai terdiri daripada dua set, iaitu <i>sinikot taun</i> dan <i>sinikot surai</i> .
6.	<i>Rarangkol</i>	Rantai leher yang diperbuat daripada manik-manik bulat dikenali sebagai <i>rorongkol pumping</i>
7.	<i>Holong</i>	Perhiasan pada pergelangan tangan.
8.	<i>Bungkas</i>	Hiasan pinggang atau bengkung yang diperbuat daripada manik berwarna putih.


Jadual 1 menunjukkan, komponen dan huraian yang terdapat pada struktur busana *pinongkoloh*. Terdapat lapan komponen yang terdiri daripada *Babaru linantian*, *Tapi' Linantian*, *Pipirot Linggit*, *Salupai*, *Sinikot*, *Rarangkol*, *Holong* dan *Bungkas*.







MOTIF PADA BUSANA *PINONGKOLOH*

Motif sulaman pada busana *pinongkoloh* merupakan elemen penting yang mencerminkan nilai estetika, kepercayaan dan warisan budaya yang sudah diwarisi sejak turun-temurun. Sulaman yang digunakan pada busana ini lazimnya bermotifkan flora dan fauna yang telah disusun secara simetri dan halus, yang menggambarkan hubungan erat Masyarakat Murut dengan alam semula jadi. Menurut Ismail (2012), motif dibentuk melalui pengulangan imej penyusunan secara struktur yang akhirnya membentuk corak. Motif yang disulam pada busana *pinongkoloh* yang dibentuk melalui perulangan imej akhirnya membentuk corak yang menarik. Masyarakat dahulu menggunakan sebarang jenis alat yang kecil seperti tulang, batu-batu dan kayu untuk disulam dan dijadikan hiasan pada busana.

Seterusnya para penyulam mula berkembang untuk membentuk motif pada busana. Masyarakat Murut amat mementingkan imbalan simetri dalam penghasilan motif tidak kira dalam apa jua bentuk hasil buatan tangan termasuklah sulaman manik. Antara motif yang sering digunakan adalah motif bunga, padi dan daun. Motif-motif ini dijahit dengan menggunakan manik-manik yang berwarna terang seperti warna merah, kuning, putih, biru dan hijau. Penggunaan warna-warna yang terang pada busana *pinongkoloh* bukan sahaja untuk menampilkan keceriaan busana tetapi juga untuk membawa makna simbolik yang tertentu seperti keberanian, kesucian dan semangat juang. Setiap busana *pinongkoloh* mempunyai motif tulang atau dikenali sebagai motif asas iaitu motif yang berbentuk panjang menghiasi setiap penjuru busana.

Jadual 2: Motif Busana *Pinongkoloh*

Bil.	Nama Motif	Ciri-ciri Motif
1.	<i>Sinusuh</i> 	Motif yang berbentuk segi tiga yang disulam berulang-ulang dan membentuk motif yang panjang untuk dijadikan tulang motif <i>Pinongkoloh</i> .
2.	<i>Sinuli</i>	Motif garis selari yang berulang menyerupai bilah buluh yang disusun bertingkat dalam bentuk

		simetri.
3.	<i>Pinis (Lapis)</i> 	Motif yang berbentuk garis lurus dan corak secara condong serta membentuk pola lapisan yang bertindih.
4.	<i>Tinukang</i> 	Motif gabungan dua corak segi tiga yang berlainan saiz menghasilkan kontras dalam pola.
5.	<i>Vusak (bunga)</i> 	Motif yang terdiri daripada garisan lurus yang tersusun simetri dalam bentuk bulatan dan menyerupai figura kelopak bunga yang banyak.
6.	<i>Bilor (Padi)</i> 	Motif figura padi yang berbentuk silang dan mempunyai empat pejuru
7.	<i>Raun (Daun)</i> 	Motif terdiri daripada satu garisan batang utama yang bercabang kepada tiga di hujung menyerupai figura tangkai daun.

Jadual 2, menunjukkan motif yang terdapat pada busana *pinongkoloh*. Terdapat tujuh jenis yang dominan iaitu motif *Sinusuh*, *Sinuli*, *Pinis (Lapis)*, *Tinukang*, *Vusak (bunga)*, *Bilor (padi)* dan *Raun (Daun)*.

TRANSFORMASI MOTIF

Transformasi motif pada penyelidikan ini dapat dilihat pada tiga proses transformasi iaitu figuratif, abstrak dan *stylize*. Transformasi motif dimulakan dengan pengaplikasian daripada sesuatu figura kepada motif. Seterusnya penyulam menggunakan motif figura kepada motif mudah, iaitu berbentuk abstrak. Pembentukan motif berbentuk abstrak memerlukan proses yang lama untuk menjadi suatu motif yang menjadi identiti budaya Murut Tahol. Pada masa kini, motif-motif Murut Tahol semakin berubah dan perkembangan motif dapat dilihat melalui pengubahsuaian motif-motif daripada bentuk mudah kepada motif yang berbentuk kontemporari

dan lebih mempunyai gaya tersendiri. Berdasarkan kepada motif-motif yang terdapat pada busana *pinongkoloh* hanya tiga motif yang dianalisis proses tranformasi iaitu motif vusak, motif padi dan motif daun.




Rajah 3: Transformasi Motif *Vusak*
Sumber: Shelly Ann Saiwat

Rajah 3, merupakan proses motif flora yang dipanggil motif *vusak*. Motif *vusak* adalah motif pertama yang mengalami transformasi dalam pembentukan motif moden. Motif *vusak* ini adalah motif berbentuk bunga dan disulam menggunakan gabungan garis lurus hingga membentuk motif bunga. Motif *vusak* adalah motif dominan pada busana *pinongkoloh* dan kebanyakan busana *pinongkoloh* mempunyai motif ini. Motif *Vusak* membawa simbol kelembutan dan kecantikan seorang gadis pada masa dahulu. Dengan itu, motif ini banyak digunakan pada busana bagi kaum wanita sahaja. Motif *vusak* pada mulanya mengambil figura bunga dan membentuk motif yang mudah dan berbentuk simbolik. Motif ini kemudiannya disusun secara simetri dan saiz motif ini adalah kecil atau sederhana sahaja.


Motif ini seterusnya berkembang kepada motif yang berbentuk abstrak dan menyerupai bunga yang dilukis. Pada peringkat yang kedua proses transformasi ini para penyulam menggunakan reka bentuk bunga yang dilihat dan diterapkan dalam busana *pinongkoloh*. Ini menunjukkan para penyulam masih menggunakan alam sekeliling sebagai sumber idea dalam membentuk motif yang diinginkan. Pada transformasi motif *vusak* peringkat kedua adalah motif pada tahun 90-an iaitu perkembangan bahan-bahan sulaman sudah mula berkembang. Motif *vusak* pada peringkat ini adalah bersaiz besar dan motif ini akan memenuhi ruang pada bahagian yang disulam.

Pada masa kini, motif *vusak* pada busana *pinongkoloh* telah berubah kepada motif yang berbentuk *stylize* iaitu motif yang berbentuk bebas. Kini, motif ini tidak lagi disusun mengikut imbangan simetri tetapi disusun secara bebas dan juga kreatif untuk memberi keunikan kepada motif ini. Para penyulam memberi sentuhan baharu dengan menggunakan teknik yang baharu dalam sulaman motif. Motif *vusak* kini adalah lebih halus dari segi hasil sulaman dan menarik dengan gabungan pelbagai jenis manik yang baharu dan warna yang pelbagai. Dengan adanya perkembangan dari segi teknologi, membantu para penyulam untuk mendapatkan idea perkembangan teknik-teknik sulaman. Perkembangan idea kreativiti dan teknik sulaman membuatkan penghasilan manik-manik yang pelbagai jenis dan warna untuk memudahkan dan menambahkan lagi keindahan terhadap busana *pinongkoloh*. Transformasi bahan-bahan sulaman memberi juga sumbangan kepada transformasi terhadap busana tradisional ini.



Rajah 4: Transformasi Motif *Bilor*
 Sumber: Shelly Ann Saiwat

Rajah 4 merupakan proses motif *bilor* iaitu bermaksud motif padi. Motif padi adalah motif dominan pada busana *pinongkoloh* dan juga simbol identiti masyarakat Murut Tahol sebagai petani dan menghormati sumber makanan masyarakat Murut Tahol. Hal ini demikian kerana padi adalah makanan utama masyarakat Murut Tahol. Motif padi yang terdapat pada busana *pinongkoloh* adalah berbentuk geometri dan hanya berbentuk simbol yang merupai figura padi. Motif ini berubah membentuk figura padi yang lebih merupai bentuk dan rupa sebenar padi. Perubahan motif ini menunjukkan para penyulam kini lebih gemar menggunakan rupa bentuk motif 2D dan 3D. Teknik sulaman kini juga adalah lebih halus dan para penyulam gemar menghasilkan motif yang besar berbanding untuk menonjolkan motif yang disulam. Para penyulam juga gemar menggunakan bilangan motif yang sedikit berbanding busana *pinongkoloh* yang tradisional di setiap pasang busana *pinongkoloh* untuk menonjolkan motif dominan dan motif tulang.



Rajah 5: Transformasi Motif *Raun*
 Sumber: Shelly Ann Saiwat

Rajah 5, merupakan proses transformasi motif *raun* atau dikenali sebagai motif daun yang disulam pada busana *pinongkoloh*. Bagi menghasilkan satu motif daun pada mulanya, para penyulam akan menyulam setiap corak dengan menggunakan manik kecil yang banyak untuk menghasilkan satu corak dan motif daun. Tetapi dengan perkembangan kepelbagaian jenis manik masa kini, para penyulam menggunakan manik yang sudah mempunyai bentuk atau corak yang dikehendaki seperti manik bentuk daun. Dengan adanya manik yang mempunyai corak sedia ada ianya dapat membantu menjimatkan masa untuk menghasilkan sebuah busana *pinongkoloh*.

IMPLIKASI TRANSFORMASI TERHADAP IDENTITI *PINONGKOLOH*

Transformasi yang berlaku ke atas motif busana Murut bukanlah kehilangan identiti sebaliknya merupakan proses adaptasi visual yang membolehkan masyarakat mengekalkan simbol asal

dalam bentuk baharu yang sesuai dengan medium, teknik dan konteks semasa. *Stylization* adalah usaha mengekalkan makna budaya melalui bentuk yang diperkuat oleh kontemporari. *Stylization* juga merupakan kaedah penyampaian simbol budaya agar kekal relevan dalam estetika moden (Schapiro, 1994; Khan & Alghamdi, 2019; Widiyanto, 2020). Proses transformasi berlaku kerana beberapa faktor seperti pengaruh budaya luar iaitu interaksi masyarakat lain mendorong penyesuaian gaya. Komodifikasi moden dengan busana Murut Tahol kini juga dipersembahkan dalam konteks festival kebudayaan, pelancongan dan fesyen kontemporari. Oleh itu, busana ini memerlukan transformasi visual agar lebih menarik dan universal.

Transformasi busana tradisional merupakan suatu proses adaptasi yang berlaku akibat pertembungan antara warisan budaya dengan arus kemodenan. Transformasi yang seimbang dapat mengekalkan nilai keaslian disamping membolehkan busana tradisional terus relevan dan diterima dalam konteks moden. Namun, sekiranya transformasi dilakukan tanpa kawalan, risiko penghakisan makna budaya adalah tidak dapat dielakkan. Oleh itu, pemeliharaan nilai asal dan kesedaran masyarakat terhadap simbolik motif perlu diberi perhatian dalam setiap proses inovasi tradisional.

KESIMPULAN

Penyelidikan ini menerangkan proses transformasi motif pada busana *pinongkoloh* masyarakat Murut Tahol yang melalui tiga peringkat iaitu figuratif, abstrak dan *stylize* bagi menyesuaikan warisan visual dengan teknik serta konteks moden. Tiga motif utama yang dikaji ialah motif *vusak* (bunga), motif *bilor* (padi) dan motif *raun* (daun), yang masing-masing berubah daripada bentuk berasaskan alam kepada rekaan yang lebih besar, halus, kreatif dan kontemporari hasil perkembangan bahan serta teknik sulaman. Transformasi ini bukanlah kehilangan identiti, tetapi satu bentuk adaptasi bagi mengekalkan makna budaya sambil memastikan busana tradisional terus relevan, walaupun tetap memerlukan kawalan agar simbol asal tidak terhakis.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan kepada Pusat Penyelidikan Universiti Malaysia Sabah atas pembiayaan kajian ini di bawah Geran Bantuan Pascasiswazah (GUG0684-1/2024).

RUJUKAN

- Ab Aziz, S. (2012). Penggunaan Unsur Nilai Estetika Tradisional Kelantan dalam Senibina Kediaman Kontemporari. *Proceeding Bridging Between Old & New: Towards Future Sustainable Built Environment* (pp. 7-15). Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Halimatan, S. H., Rahimah A. A., Sarah Aziz, A. G. A. & Chan @Geraldine, C. K. (2010). Governans untuk Geopark: Langkawi Geopark sebagai Acuan. *Akademika*, 80, 39 – 59
- Hanafi, H. (2007). Ritual, Identiti Dan Perubahan Di Pantai Barat Sabah: Pengalaman Komuniti Kadazan Penampang. *Journal of Southeast Asian Studies*, 12 (1), 189-210.
- Hu T, & Junior K. (2024). The integration and transformative design research of plant dyeing techniques in Dong brocade with sustainable materials. *Journal of Infrastructure, Policy and Development*. 8(12): 8530. <https://doi.org/10.24294/jipd.v8i12.8530>
- Humin, J., Ismail, I. & Angeline, T. Y. Y. (2015). *Warisan Busana Murut: Motif dan Corak*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail, I. (2012). *Warisan Motif dan Corak*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sarawak.

- Khan, M. A., & Alghamdi, H. (2019). *Elucidation of the relationship between clothing silhouette and motifs and its impact on perception*. Fashion and Textiles. Springer Open.
- Noria ak, T. (2018). Sinipak Costume of The Dusun Tindal Women Folk of Sabah. *International Journal of Applied and Creative Arts*, 1(1), 32–41. <https://doi.org/10.33736/ijaca.838.2018>
- Ranavaade, V. P., & Karolia, A. (2016). The study of the Indian fashion system with special emphasis on women's occasion wear. *International Journal of Textile And Fashion Technology (IJTFT)*, ISSN (P): 2250-2378; ISSN (E): 2319-4510. Vol, 6, 19-34.
- Schapiro, M. (1994). *Theory and Philosophy of Art: Style, Artist, and Society*. New York: George Braziller.
- Silverman, H. & Ruggles, D. F. (2007). *Cultural Heritage and Human Rights*. New York: Spinder Slade,
- T. (2009). *Japanese fashion: A cultural history*. Berg.
- Sulaiman, N. B., Rahman, R. B. A., Apandi, S. N. A. B. M., Saari, F. A. B., Zain, M. Z. B. M., Hasbullah, S. W. B., & Warisan, F. T. K. D. (2022). Inspirasi Elemen Moden Terhadap Baju Kurung Riau: Analisis Fungsi. *PELESTARIAN WARISAN*, 213.
- Widiyanto, A. S. (2020). *TA: Penciptaan Film 3D Animasi Pendek tentang Karakter Topeng Malang Bergenre Adventure dengan Teknik Stylized* (Doctoral dissertation, Universitas Dinamika).
- Yahaya, I. & Abd. Hair, A. (2008). *Pembangunan Modal Insan: Isu dan Cabaran*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia

TEMUBUAL

1. Agubat@Elizabeth Andaun, 70 tahun, Kampung Biah, Sabah. Penyimpan dan penyulam busana pakar tradisional. 24 Jun 2025.
2. Andilin Bte Angkarul, 43 tahun, Kampung 4 Murni, Nabawan, Sabah. Pakar Penyulam dan Pengusaha Busana Tradisional Murut. 02 Jun 2025
3. Koyok Binti Tamaing, 74 tahun, Kampung Murni D, Nabawan, Sabah. Penyimpan dan penyulam busana tradisional. 05 Mac 2023.
4. Suriah @ Mainah Ampasok, 59 tahun, Kampung Biah, Keningau, Sabah. Penyulam dan pengusaha busana pinongkoloh. 25 Mei 2025